

22/03/2000

Musa patut beri pandangan jujur

Fadila Ahmad

BOLEH dikatakan sudah lama benar kita tidak mendengar suara Tan Sri Musa Hitam. Malah menjelang pilihan raya umum pada akhir 1999 yang lalu dan ketika rancaknya suasana kempen, suara Musa tidak pun kedengaran lantang membantu calon Umno.

Musa tidak pun menjelajah ke seluruh negara atau mengeluarkan komen yang boleh membantu calon Umno atau Barisan Nasional (BN). Mungkin kerana Musa, beberapa tahun sebelumnya, sudah pun mengumumkan persaraannya dari politik. Jadi dia mengambil sikap sebagai pemerhati politik untuk mengotakan kata-katanya.

Tetapi anehnya menjelang pemilihan Umno tahun ini, tiba-tiba saja terdengar suara Musa. Nada suaranya bukan sebagai seorang pemerhati politik atau penganalisis politik. Nada suara Musa lebih mirip sebagai seorang pemberi komentar yang ingin menarik perhatian ahli Umno terhadap dirinya.

Komentarnya seolah-olah untuk membuka sedikit ruang pada dirinya untuk dicalonkan, sekurang-kurangnya mungkin untuk jawatan Timbalan Presiden Umno. Sebab itulah Musa memberi komentar bahawa, dia tidak setuju dengan nasihat Majlis Tertinggi (MT) Umno untuk tidak dipertandingkan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

Sebagai seorang veteran beliau sepatutnya memberikan pandangan sebagai seorang penganalisis politik yang jujur dengan memberikan pandangan dari segi positif atau negatifnya nasihat MT Umno itu.

Sesuatu perebutan jawatan dalam setiap organisasi politik, tentu ada segi positif dan negatifnya. Jadi, Musa sepatutnya memberikan pandangan yang jujur, dari segi baik atau tidak baik bagi parti dan orang Melayu mengenai nasihat itu.

Apakah Musa berasa 'cemburu' dengan kerjaya politik pemimpin Umno yang lain, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi misalnya?

Nasihat MT Umno mungkin dengan alasan bahawa Umno sekarang perlukan perpaduan dan keutuhan setelah pilihan raya yang lalu. Umno belum mampu untuk dilukai dan berpecah seperti pertandingan 1987 dulu.

Musa janganlah kata, yang menang ambil semua dan yang kalah hilang semua. Itu tidak benar. Buktinya Abdullah, Datuk Rais Yatim, Datuk Kadir Sheikh Fadzil, Datuk Zainal Abidin Zain malah, Datuk Ibrahim Ali diberikan tempat semula dalam Umno dan kerajaan.

Tengku Razaleigh Hamzah pula masih menjadi Ketua Umno Bahagian Gua Musang dan dilantik menjadi Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan menjelang pilihan raya yang lalu.

Musa sendiri patut berterima kasih kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana diberi penghormatan dilantik menjadi Wakil Khas Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan segala kemudahan disediakan. Kedudukan Musa sebagai pengerusi dalam beberapa buah syarikat juga tidak pernah diganggu, misalnya Pengerusi Sunway College dan syarikat coklat Upali dan entah syarikat apa lagi.

Kalau dah kata mahu bersara daripada politik, teruslah bersara. Janganlah membuat komen yang "berbau politik" pula. Bersikaplah sebagai 'gentleman'.

Jadilah orang yang penuh bijaksana. Tunjukkanlah diri sebagai orang yang masih cintakan Umno dan bangsa Melayu dengan jujur dan ikhlas. Itu pun kalau Musa mahu pandangannya dihormati, pelajaryliah dan dalamilah falsafah budaya orang Melayu.

Musa seperti kurang arif mengenai falsafah budaya orang Melayu. Mungkin sebab itulah Musa nampaknya tidak menghormati pemimpin dan tidak menghormati nasihat atau keputusan, hasil dari suatu musyawarah badan tertinggi sesuatu organisasi - lebih-lebih lagi mengenai perpaduan dan kepentingan bangsa Melayu.

Sekali fikir kita berasa hairan juga apabila bekas Timbalan Presiden Umno yang juga bekas Timbalan Perdana Menteri ini, tiba-tiba memberikan komentarnya yang `berbau politik'. Tetapi, dua kali fikir kita tentulah tak berasa hairan, kerana Musa dulu memang pernah menganjurkan supaya orang Melayu bersikap `kurang ajar'.

Kita memang boleh punya keberanian untuk memberi pendapat atau untuk berfikir bebas, tetapi kita juga perlu punya keberanian untuk menerima hasil musyawarah yang tidak sehaluan dengan fikiran kita sendiri, yang biasanya kita anggap benar dan pintar.

Akhir sekali saya mohon supaya Musa renungilah ayat Al-Anfaal : 46 ini, yang bermaksud: " Janganlah kamu berselisih (Berbantah-bantah), kelak kamu akan menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu dan bersabarlah".